

KAMPONG MENUNGGOL¹

Dayang Norlizawati binti Haji Mohd. Kassim

Latar Belakang

Kampong Menunggol terletak di Mukim Kota Batu.² Kampung ini berada di kawasan perairan tepi Sungai Brunei yang agak jauh dari pusat bandar, Bandar Seri Begawan. Oleh itu, perjalanan untuk menuju ke kampung ini adalah melalui sungai dengan menggunakan motor sangkut atau perahu dari jeti Kampong Menunggol ke jeti pusat bandar, Bandar Seri Begawan. Perjalanan melalui sungai mengambil masa selama kira-kira lima minit. Kampong Menunggol ini berjiran dengan Kampong Riong (lihat: Peta 1).

Kampong Menunggol dibahagikan kepada dua, iaitu Menunggol Laut dan Menunggol Tengah. Kampung ini mempunyai keluasan 9.5073 kilometer³ persegi dengan jumlah penduduk seramai 548 orang (lihat: Jadual 1). Sebahagian besar penduduk yang tinggal di Kampong Menunggol seperti


1 Wawancara penyelidikan yang dilakukan oleh Dayangku Hajah Siti Saleha binti Pengiran Kamaluddin dengan Awang Haji Limbang bin Mansor pada 25 Mei 2005 bertempat di rumah Ketua Kampong Belimbang Subok (Rujukan kaset: PS/PY/SL/0895/05).

2 Mukim Kota Batu mengandungi 14 buah kampung, iaitu Kampong Subok, Kampong Belimbang, Kampong Kota Batu, Kampong Pelambayan, Kampong Dato Gandi, Kampong Sungai Matan, Kampong Serdang, Kampong Sungai Belukut, Kampong Sungai Besar, Kampong Menunggol, Kampong Riong, Kampong Pudak, Kampong Pulau Baru-Baru dan Kampong Tanjong Kindana (*Jadual-Jadual Rumusan Banci Penduduk 2001*, Jabatan Perangkaan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, h. 13).

3 Ukuran bagi keluasan Kampong Menunggol diperolehi daripada Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, melalui MEMORANDUM yang bertarikh 26 Oktober 2005 (Simpanan Pusat Sejarah Brunei).

yang dinyatakan oleh pengkisah⁴ terdiri daripada bangsa Melayu, terutamanya puak Kedayan.

Peta 1



Jadual 1

Jumlah Penduduk Kampong Menunggol Mengikut Puak/Bangsa dan Jantina⁵

Jantina	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Komuniti penduduk			
Melayu	273	247	520
Cina	2	4	6
Lain-lain	11	11	22
Jumlah keseluruhan	286	262	548

Asal Usul Kampung

Menurut tradisi lisan, sejarah awal terbitnya nama Kampong Menunggol adalah daripada perkataan ‘tunggul’. Pada masa dulu di kawasan tersebut dikatakan banyak terdapat tunggul. Walau bagaimanapun, pengkisah tidak pasti di mana letaknya tunggul-tunggul tersebut. Beliau mengatakan bahawa tunggul-tunggul tersebut mungkin berada di darat, di laut ataupun di sebuah pulau.

Daripada sumber lain⁶ pula menyatakan bahawa Kampong Menunggol sudah wujud sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua lagi. Tentera Jepun dikatakan telah mendirikan markas persembunyian di Pulau Berambang yang berdekatan dengan Kampong Menunggol. Pada satu ketika, telah berlaku kekacauan sehingga tentera Jepun bertindak membakar tanaman padi yang ada di Kampong Menunggol. Akibat kejadian tersebut, banyak tanaman padi telah musnah sehingga meninggalkan bekas tunggul hitam. Disebabkan kejadian itulah berkemungkinan masyarakat di kampung tersebut menamakannya sebagai Kampong Menunggol, iaitu diambil daripada kata dasar ‘tunggul’.

Cerita lain tentang asal usul wujudnya Kampong Menunggol ini ada yang mengatakan berasal daripada sebatang tunggul buruk.⁷ Menurut cerita, pada zaman dahulu seorang nelayan sering turun ke sungai untuk menangkap ikan. Dalam perjalanan mencari tempat yang sesuai untuk menangkap ikan, nelayan tersebut kepenatan lalu menuju ke tebing sungai untuk berehat. Dia ternampak sebatang tunggul yang sudah buruk, lalu memacakkannya turus ke atas tunggul tersebut. Berikutan peristiwa itu, penduduk kampung di kawasan tersebut menamakannya sebagai Kampong Menunggol.

Penduduk awal yang mendiami Kampong Menunggol dikatakan berasal dari Limbang, Sarawak, Malaysia. Menurut pengkisah, orang-orang Limbang ini kebanyakannya terdiri daripada puak Kedayan. Ini terbukti dengan adanya tempat perkuburan orang-orang Limbang di Kampong Menunggol tersebut, iaitu di Tanah Perkuburan Islam Mengaris di Menunggol Laut dan

⁴ Awang Haji Limbang bin Mansor.

⁵ Jadual-Jadual Rumusan Banci Penduduk 2001, h. ...

⁶ Profil Mukim Kota Batu, Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam, Tahun 2003, h. 27 (Simpanan Pusat Sejarah Brunei).

⁷ Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Haji Muhammad, ‘Catatan Penyelidikan Ke Kampong Menunggol’, Berita Muzium, Januari-Jun 2002, Bilangan 1, Jilid 23, Jabatan Muzium-Muzium, Bandar Seri Begawan, h. 36.

Tanah Perkuburan Islam Buang Kepayang di Menunggol Tengah. Walau bagaimanapun, menurut pengisah lagi, Kampong Menunggol kini hanya didiami oleh orang-orang Brunei yang terdiri daripada puak Kedayan.

Ketua Kampung

Menurut pengisah, Ketua Kampong Menunggol yang pertama ialah Yang Mulia Awang Kassim bin Khamis⁸ yang dilantik oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Setelah itu, jawatan Ketua Kampung telah diambil alih oleh Orang Kaya Lela Negara Awang Haji Japar bin Kassim pada tahun 1965. Pelantikan beliau berdasarkan pilihan daripada penduduk kampung.

Menurut pengisah, pemilihan Ketua Kampung ini dilakukan berdasarkan ciri-ciri kepimpinan dan rasa tanggungjawab terhadap setiap anak buah kampung. Menurut beliau lagi, pada zaman dahulu peranan Ketua Kampung adalah sangat penting. Ketua Kampung juga berperanan sebagai ketua agama yang mempunyai kuasa menangkap dan menghukum orang yang bersalah, menikahkan dan memilih saksi-saksi yang layak dalam majlis pernikahan.

Berbeza dengan sekarang, peranan Ketua Kampung lebih menyeluruh yang menjurus kepada perihal kebijakan dan keselamatan anak-anak buah kampung, selain mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya atas segala aduan yang diterima daripada anak-anak buah kampung. Ketua Kampung juga bertanggungjawab dalam menyerahkan pembayaran pencen tua, balu dan orang kurang upaya daripada pihak Kerajaan kepada anak-anak buah kampung yang berhak menerimanya. Di samping itu, tanggungjawab yang dipikul oleh Ketua Kampung pada masa sekarang ialah mengagihkan buah kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada semua anak buah kampung sempena bulan Ramadan.

⁸ Menurut isteri Allahyarham Yang Mulia Orang Kaya Lela Negara Awang Haji Japar bin Kassim, Awang Kassim bin Khamis merupakan Ketua Kampong Menunggol yang kedua (Hasil wawancara yang dilakukan oleh penulis dengan isteri Allahyarham Yang Mulia Orang Kaya Lela Negara Awang Haji Japar bin Kassim melalui talian telefon pada hari khamis, 10 Julai 2008, pada sekitar jam 2:25 petang).

Prasarana

Sekolah

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan pendidikan kepada penduduk Kampong Menunggol dengan membina sebuah sekolah yang diberi nama Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampong Menunggol. Pada mulanya, Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampong Menunggol ini didirikan oleh penduduk kampung secara bergotong-royong yang diketuai oleh Awang Kassim bin Khamis,⁹ Ketua Kampong Menunggol ketika itu. Hanya pada 25 Jun 1981, sekolah tersebut dibina secara rasmi oleh pihak Kerajaan.

Pada tahun 1961, Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampong Menunggol dibina secara sementara menggunakan kayu bulat sebagai tiang, daun nipah sebagai atap dan kajang sebagai dinding. Tahun berikutnya,



bangunan sekolah diubahsuai dengan menggunakan peralatan kayu, atap zink dan papan. Pada masa sekarang, sekolah tersebut mempunyai dua blok bilik darjah, sebuah dewan serbaguna dan kemudahan-kemudahan asas seperti air, elektrik dan padang bola. Sekolah ini juga menyediakan dua buah rumah untuk Guru Agama.¹⁰

Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampong Menunggol menyediakan pendidikan bermula dari Darjah I hingga Darjah V. Menurut pengisah, pada tahun 1960-an, seramai 60 orang telah bersekolah di sekolah tersebut. Selain penduduk kampung, penduduk dari Kampong Putat juga ramai bersekolah di Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampong Menunggol ini.

⁹ Haji Ahmad bin Mohd. Arshad (Penyunting), *Latar Belakang Pembinaan Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan Negara Brunei Darussalam*, 1994, h. 116.

¹⁰ Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Haji Muhammad, ‘Catatan Penyelidikan Ke Kampong Menunggol’ dalam *Berita Muzium*, Januari-Jun 2002, Bilangan 1, Jilid 23, h. 39.

Masjid

Pada zaman dahulu menurut pengisah, Kampong Menunggol ini tidak mempunyai masjid atau balai ibadat. Penduduk kampung yang hendak bersempbahyang fardu Jumaat perlu pergi ke Masjid Omar ‘Ali Saifuddien di Bandar Seri Begawan dengan berkayuh dari Pulau Berambang. Oleh sebab jarak perjalanan yang jauh dan bilangan penduduk di Kampong Menunggol semakin bertambah, maka pada awal tahun 1969 telah diadakan mesyuarat untuk mendirikan sebuah balai ibadat di kampung ini.¹¹ Mesyuarat diketuai oleh Orang Kaya Lela Negara Awang Haji Japar bin Kassim, Ketua Kampong Menunggol bersama-sama dengan penduduk kampung. Balai ibadat ini dicadangkan untuk dibina berhampiran dengan rumah Ketua Kampong Menunggol.



Masjid Kampong Menunggol hanya mula dibina pada tahun 1979 oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Masjid tersebut dibina di atas tapak tanah Kerajaan yang berukuran seluas 0.75 ekar dan terletak kira-kira 10 kilometer dari Bandar Seri Begawan. Masjid Kampong Menunggol¹² boleh menampung seramai 300 jemaah. Masjid ini lengkap dengan kemudahan-kemudahan asas, seperti tempat berwudhu, tangki air, tandas, alat penghawa dingin dan lain-lain.

Selain kemudahan sekolah dan masjid, pihak Kerajaan juga telah menyediakan kemudahan-kemudahan prasarana yang lain seperti pembinaan jalan raya, perkhidmatan bekalan air, elektrik dan sebagainya. Secara umumnya, kampung ini mula menerima kemudahan prasarana pada sekitar tahun 1970-an.

¹¹ Awang Haji Metussin bin Haji Baki, *Catatan Sejarah Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, 1993, h. 129.

¹² Dibina menggunakan papan, simen dan tiang konkrit.

Jalan raya

Kampong Menunggol telah mula menerima kemudahan jalan raya daripada pihak Kerajaan pada tahun 1963. Pada mulanya, jalan tersebut berupa jalan tanah. Kemudian pada tahun 1989, jalan raya tersebut dibina menggunakan simen dan pada masa sekarang dibubuh dengan asfalt.¹³



Bekalan Air

Pada tahun 1970-an, bekalan air yang pada mulanya menggunakan pancur buluh telah digantikan dengan paip untuk menyalurkan air bersih dari Wasai Buang Keratong. Bagi menampung keperluan penduduk di Kampong Menunggol yang semakin bertambah penggunaannya, empangan air dari Layong mula disalurkan. Ini menjadikan penduduk kampung mempunyai dua sumber bekalan air, iaitu dari Wasai Buang Keratong dan Layong.¹⁴

Bekalan Elektrik

Kemudahan bekalan elektrik hanya disediakan di Kampong Menunggol pada sekitar tahun 1980-an. Menurut pengisah, sebelumnya orang-orang kampung hanya menggunakan minyak tanah, minyak gas dan lampu gurungan. Pada tahun 1988, bekalan elektrik mula dibekalkan dengan menggunakan penjana kuasa. Walau bagaimanapun, ia hanya mampu membekalkan ke beberapa buah rumah sahaja.¹⁵ Hanya pada tahun 1991, perkhidmatan elektrik dibekalkan terus dari Bandar Seri Begawan ke seluruh rumah di Kampong Menunggol.

¹³ Sejenis bahan yang hitam dan lekit seperti tar yang digunakan melapisi jalan (sebagai bahan penampali bocor dan lain-lain) (*Kamus Dewan* (edisi ketiga), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, h. 68).

¹⁴ Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Haji Muhammad, ‘Catatan Penyelidikan Ke Kampong Menunggol’ dalam *Berita Muzium*, Januari-Jun 2002, Bilangan 1, Jilid 23, h. 38.


¹⁵ *Catatan Ringkas Mukim Kota Batu Negara Brunei Darussalam*, sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaiki takhta, 1992, h. 42.

Talian Telefon

Perkhidmatan talian telefon hanya disediakan pada tahun 1986 di rumah Ketua Kampong Menunggol dengan menggunakan tenaga solar. Pada tahun 1994, barulah perkhidmatan telefon ke seluruh rumah di Kampong Menunggol disediakan.¹⁶

Perkhidmatan Kesihatan

Kemudahan perubatan di Kampong Menunggol mula dibekalkan kepada penduduk kampung pada tahun 1982.¹⁷ Klinik kesihatan dibina bagi kemudahan orang ramai, khususnya kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung. Klinik tersebut dibina dengan berdindingkan papan dan berlantaikan konkrit. Walau bagaimanapun, jika berlaku kecemasan, pesakit akan dihantar terus ke hospital besar di Bandar Seri Begawan dengan menggunakan motor sangkut atau perahu dan kereta ambulans rumah sakit atau klinik kesihatan yang berdekatan.



Bentuk Rumah

Selain kemudahan prasarana yang disediakan oleh pihak Kerajaan, penduduk kampung juga tidak ketinggalan dalam meningkatkan taraf kehidupan mereka apabila pada sekitar tahun 1970-an, keadaan infrastruktur perumahan penduduk di Kampong Menunggol berubah bentuk. Pada zaman dahulu rumah dibina dengan menggunakan daun apung sebagai dinding, daun nipah sebagai atap, buluh sebagai lantai dan kayu saumah sebagai tiang. Setelah itu, rumah dibina dengan menggunakan papan dan atap zink. Pada zaman sekarang, bentuk rumah dibina dengan menggunakan bahan-bahan daripada batu dan kayu. Manakala atapnya daripada zink.

¹⁶ Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Haji Muhammad, ‘Catatan Penyelidikan Ke Kampong Menunggol’, h. 39.

¹⁷ *Ibid.*

Pengangkutan

Penduduk kampung juga memiliki kemudahan pengangkutannya sendiri, iaitu motor sangkut atau perahu dan kereta. Sebelumnya penduduk kampung hanya memiliki perahu sahaja. Pada zaman sekarang, penduduk di Kampong Menunggol mula menggunakan kereta sebagai pengangkutan mereka dari rumah ke jeti kampung. Untuk pergi ke pusat bandar, Bandar Seri Begawan pula masih menggunakan motor sangkut dan perahu. Minyak pula dibeli dengan menggunakan gelen di stesen minyak Bandar Seri Begawan kerana di Kampong Menunggol tidak terdapat stesen minyak.

Kegiatan Penduduk Kampung

Selain perkembangan pembangunan, kampung ini juga ada mewujudkan sebuah Jawatankuasa Kejiranan Kampung dan Majlis Perundingan Kampung.

Menurut pengisah, Jawatankuasa Kejiranan Kampung ditubuhkan pada tahun 1990-an. Jawatankuasa ini bertindak untuk membantu pasukan polis dalam membanteras kejadian jenayah yang mungkin berlaku di Kampong Menunggol.

Penubuhan Majlis Perundingan Kampung bagi Kampong Menunggol pula bermula pada sekitar tahun 1993. Majlis perasmianya dilangsungkan di Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Kampong Menunggol.¹⁸ Majlis ini dipengerusikan oleh ketua Kampong Menunggol, Orang Kaya Lela Negara Awang Haji Japar bin Kassim. Antara tujuan utama penubuhan Majlis Perundingan Kampung adalah untuk memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk mengukuhkan keberkesanan institusi ketua kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi dan untuk menyusun serta mengusahakan rancangan-rancangan bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk kampung khasnya bagi perkembangan dan pembangunan kampung.¹⁹

¹⁸ Haji Ahmad H.S., ‘Kampong Menunggol Menubuhkan Majlis Perundingan Kampung,’ *Pelita Brunei*, Tahun 38, Bilangan 25, 23 Jun 1993, h. 11.

¹⁹ *Ibid.*

Tempat Bersejarah

Kampong Menunggol mempunyai beberapa buah tempat yang bersejarah, seperti Batu Nakhoda Abdul Rashid, Bukit Batu Bujang Pahang, Bukit Batu Berpangkat, Bukit Batu Seri Baya dan Bukit Batu Narkuning.

i **Batu Nakhoda Abdul Rashid**

Menurut tradisi lisan, sejarah Batu Nakhoda Abdul Rashid bermula apabila Nakhoda tersebut telah bertukar menjadi batu. Walau bagaimanapun, tidak diketahui oleh pengkisah siapa Nakhoda Abdul Rashid dan sebab berlakunya kejadian tersebut. Batu tersebut dikatakan hanya akan wujud dan dapat dilihat apabila seseorang itu sesat dalam hutan. Ini dibuktikan oleh pengkisah apabila beliau pernah mengalami kejadian tersebut pada sekitar tahun 1960-an. Pada waktu itu, beliau berburu payau sehingga tersesat. Apabila batu tersebut timbul barulah beliau menyedari yang beliau sudah sesat. Pengkisah juga mengatakan bahawa batu tersebut masih lagi wujud sehingga sekarang.

ii **Bukit Batu Bujang Pahang**

Bukit Batu Bujang Pahang pula mengisahkan tentang seseorang yang suka berburu. Menurut pengkisah, berkemungkinan nama ‘bujang’ diambil daripada status pemburu itu yang dikatakan masih bujang sehingga ke tua. Ketika berburu itu, dia telah termakan buah pengalaban. Menurut satu sumber lain,²⁰ ketika pemburu itu memakan buah tersebut, dia merasa ‘pahang’.²¹ Ada juga sumber lain²² yang diperolehi mengatakan pemuda tersebut memakan buah pengalaban di sebuah batu yang besar. Oleh sebab itulah tempat tersebut dinamakan sebagai Bukit Batu Bujang Pahang.

Cerita lain²³ pula mengatakan bahawa nama Bukit Batu Bujang Pahang dicipta ketika seorang penduduk yang diserang demam

KAMPONG MENUNGGOL

telah bermimpi. Setelah dia terjaga dari mimpiannya, dia kembali pulih seperti biasa. Dia mengatakan bahawa dalam mimpiinya, dia telah didatangi oleh makhluk halus yang bernama Bujang Pahang. Makhluk halus ini berasal dari Bukit Batu di Pulau Berambang. Dialah yang menyembuhkan penyakit penduduk tersebut dari terus diserang demam. Berikutan peristiwa tersebut wujudnya nama Bukit Batu Bujang Pahang. Bukit Batu Bujang Pahang ini mempunyai ketinggian yang mencapai sehingga 100 meter di atas paras laut.

iii **Bukit Batu Berpangkat**

Menurut tradisi lisan, kewujudan Bukit Batu Berpangkat berkaitan dengan seseorang yang memiliki ilmu kebal. Dia beramat atau menuntut ilmu di suatu tempat yang terlindung oleh keadaan batu-batu yang berpangkat. Dari situ wujudnya nama Bukit Batu Berpangkat.

Selain itu, ada juga sumber lain menyatakan bahawa Bukit Batu Berpangkat dicipta oleh seorang yang berbadan tegap dan mempunyai kekuatan yang luar biasa.²⁴ Dia telah menyusun batu-batu dengan susunan yang berpangkat sehingga mencapai ketinggian lima meter. Dia dipercayai orang pertama yang mendiami Pulau Berambang. Ini dibuktikan dengan penemuan kesan kubur beliau yang terletak di tapak Kubur Besar Lama di Tanah Perkuburan Islam Buang Kepayang, Menunggol Tengah.

iv **Bukit Batu Seri Baya**

Bukit Batu Seri Baya pula dipercayai wujud daripada nama Seri Baya. Menurut pengkisah, nama Seri Baya ini mungkin nama bagi sejenis makhluk halus. Menurut pengkisah lagi, ketinggian Bukit Batu Seri Baya ini kira-kira 400 kaki dari paras laut. Bukit tersebut masih lagi wujud sehingga kini. Walaupun begitu, pengkisah tidak begitu mengetahui sejarah sebenar wujudnya Bukit Batu Seri Baya tersebut.

20 Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Haji Muhammad, ‘Catatan Penyelidikan Ke Kampong Menunggol’, h. 37.

21 Pahang bermaksud bau yang tidak sedap seperti bau daun pohon buah nona (*Kamus Dewan* (edisi ketiga), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996, h. 957).

22 Enderi bin Kiau, ‘Tujuh Buah Cerita Asal Nama Tempat Dari Kawasan Sungai Brunei’ *Berita Muzium*, Julai-Disember 2000, Bilangan 2, Jilid 21, Jabatan Muzium-Muzium, h. 26.

23 *Profil Mukim Kota Batu, Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam Tahun 2003*, h. 25 (Simpanan Pusat Sejarah Brunei).

24 Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Haji Muhammad, ‘Catatan Penyelidikan Ke Kampong Menunggol’, dalam *Berita Muzium*, Januari-Jun 2002, Bilangan 1, Jilid 23, h. 37.

v **Bukit Batu Narkuning**

Manakala Bukit Batu Narkuning dipercayai diperolehi namanya daripada kejadian yang berlaku pada tiap-tiap masuk waktu Maghrib. Kejadian tersebut berlaku di atas sebuah bukit di Kampong Menunggol. Menurut pengisah yang mendengar cerita daripada orang tua-tua mengatakan ketika waktu senja, akan ternampak sesuatu seperti mengisis²⁵ kain di bukit tersebut. Oleh sebab itulah bukit tersebut dinamakan sebagai Bukit Batu Narkuning.

Kesimpulan

Seperti penduduk-penduduk lain di Negara Brunei Darussalam ini, penduduk di Kampong Menunggol juga tidak ketinggalan dalam menikmati kemudahan dan kemajuan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan, seperti sekolah, jalan raya, bekalan air, elektrik dan sebagainya. Kampong Menunggol juga memiliki tempat-tempat bersejarah yang boleh dijadikan tarikan dan kunjungan para pelancong dan orang ramai seperti Bukit Batu Bujang Pahang, Bukit Batu Bertingkat, Bukit Batu Narkuning dan sebagainya.

Adanya tempat-tempat bersejarah di Kampong Menunggol ini diharapkan agar dapat dikekalkan dan dipelihara untuk generasi hari ini dan masa hadapan. Selain itu, diharapkan juga supaya pihak-pihak tertentu akan dapat memulihara kawasan-kawasan bersejarah ini dengan meletakkan papan-papan tanda pemberitahuan tentang sejarah asal usul wujudnya tempat-tempat tersebut. Ini bertujuan agar para pelancong dan orang ramai yang datang ke tempat berkenaan akan mengetahui serba sedikit sejarah kewujudannya.

²⁵ Kata dasar isis, bermaksud menyidai; menjemur (*Kamus Bahasa Melayu Brunei*, Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan, 1991, h. 29).

Bibliografi

Buku

Awang Haji Metussin bin Haji Bakri, *Catatan Sejarah Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam*, Jabatan Hal Ehwal Syara'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, 1993.

Catatan Ringkas Mukim Kota Batu Negara Brunei Darussalam, Sempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta, 1992.

Enderi bin Kiau, ‘Tujuh Buah Cerita Asal Nama Tempat Dari Kawasan Sungai Brunei’, *Berita Muzium*, Bilangan 2, Jilid 21, Julai-Disember 2000, Jabatan Muzium-Muzium, Bandar Seri Begawan, 2000.

Haji Ahmad bin Mohd. Arshad (Penyunting), *Latar Belakang Pembinaan Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan Negara Brunei Darussalam*, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, 1994.

Jadual-Jadual Rumusan Banci Penduduk 2001, Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 2004.

Jatswan S. Sidhu, *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.

Kamus Bahasa Melayu Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, 1991.

Kamus Dewan (edisi ketiga), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996.

Masjid-Masjid di Brunei Darussalam, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, 2000.

Profil Mukim Kota Batu, Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam, Tahun 2003 (Simpanan Pusat Sejarah Brunei).

Sultan-Sultan Brunei, Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, 1995.

Wawancara Penyelidikan Dayangku Hajah Siti Saleha binti Pengiran Kamaluddin dengan Awang Haji Limbang bin Mansor mengenai ‘Penyelidikan Sejarah Puak Kedayan di Daerah Brunei dan Muara’, pada 25 Mei 2005, Rujukan Kaset: PS/PY/SL/0895/05.

MEMORANDUM, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan, 26 Oktober 2005 (Simpanan Pusat Sejarah Brunei).

Surat khabar

Aliddin H.M., ‘Jawatankuasa Kejiranan Kampung Diingatkan Supaya Jangan Bertindak Sendirian’, *Pelita Brunei*, Tahun 38, Bilangan 47, 24 November 1993.

Haji Ahmad H.S., ‘Kampong Menunggol Menubuhkan Majlis Perundingan Kampung’, *Pelita Brunei*, Tahun 38, Bilangan 25, 23 Jun 1993.